

# Kekaumas sambut baik SBPA disemak semula

4B 17.01.2012 B13

**KOTA KINABALU:** Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung skim Saran Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) disemak semula.

Presiden Kekaumas, Amat Jutrah Musnih memang sudah menjangka perkara berkenaan akan berlaku kepada semua penjawat awam yang berjumlah 1.4 juta orang memandangkan banyak isu yang dibangkitkan oleh penjawat awam yang tidak berpuas hati berhubung pelaksanaan SBPA itu yang berkuatkuasa 1 Januari 2012 seperti yang telah diumumkan oleh kerajaan pada tahun lalu.

Katanya, pihak kesatuan amat gembira sekali dengan keprihatinan Perdana Menteri terhadap pelaksanaan skim SBPA kerana sejak pengumuman SBPA kepada penjawat awam pelbagai reaksi dan keluhan telah timbul terutama bagi penjawat awam yang berpangkat rendah.

Masih ramai penjawat awam keliru apakah sebenarnya kebaikan SBPA. Kumpulan manakah yang mendapat kemudahan dan manfaat daripada skim berkenaan, adakah kumpulan rendah, pertengahan atau kumpulan atasan.

“Kita tahu kumpulan super skil adalah kumpulan yang mendapat kenaikan gaji lumayan yang memang ternyata jauh berbezadari pada kumpulan lain. SBPA tidak melihat kepentingan semua



**AMAT JUTRAH (kiri) bersama Ketua Timbalan Pendaftar UMS, No'man Datuk Ahmad pada satu majlis di Melaka, baru-baru ini.**

penjawat awam sama penting dalam memainkan peranan masing-masing,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Persoalannya mengapa SBPA ternyata untuk kumpulan tertentu sahaja, kenapa ada kumpulan baru walhal sebelum ini perjalanan perkhidmatan awam di negara ini telah terlaksana dengan begitu baik dengan kerjasama semua peringkat perjawatan.

“Jika SBPA diteruskan tanpa dibuat semakan bersama pihak kesatuan, saya percaya pelbagai masalah baharu akan timbul kelak dan sudah tentu akan merumitkan mutu perkhidmatan penjawat awam,” katanya.

Pihak Kekaumas berharap kepada Datuk Omar Osman

selakut wakil pekerja melalui Cuepacs akan dapat membawa perkhabaran yang menggembirakan kepada semua penjawat awam apabila bersama dalam perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Amat Jutrah juga berharap kepada semua penjawat awam agar dapat bersabar dengan keadaan sekarang yang banyak menimbulkan rasa tidak puas hati terutama penjawat awam yang bukan super skil.

“Teruskan tugas seperti biasa dengan menguatkan semangat memajukan apa jua bidang perjawatan yang disandang. Sama-sama kita berdoa agar masalah SBPA untuk penjawat awam dapat ditangani melalui wakil kesatuan yang telah diamanahkan,” katanya.